

## **BAB 6**

### **HUBUNGAN SOSIAL DAN BUDAYA**

#### **6.1 Pengenalan**

Kehadiran pendatang Filipina dengan ramainya di Sabah menimbulkan dua persoalan penting. Pertama, bagaimana pendatang Filipina ini boleh tinggal bertahan lama di Sabah dan kedua, kenapa mereka begitu sukar untuk diusir kembali ke negara asal. Untuk memahami perkara ini pengkaji akan menumpukan perhatian kepada dua perkara iaitu hubungan sosio-budaya pendatang Filipina dengan orang tempatan dan hubungan politik mereka. Dalam bab ini perhatian ditumpukan kepada hubungan sosio-budaya mereka.

#### **6.2 Di Peringkat Kampung**

##### **6.2.1 Hubungan Dengan Jiran Sekampung**

Jiran yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah penduduk yang tinggal berdekatan iaitu 40 buah rumah yang terletak di sekitar rumah responden. Umumnya penduduk Kampung Bakau kenal antara satu sama lain dan ramai di kalangan mereka ada tali persaudaraan. Ini disebabkan kebiasaan pendatang Filipina di Sabah memilih kawasan tempat tinggal di mana telah ada saudara mara mereka. Malah seperti yang telah dinyatakan kadang-kadang saudara mara yang menetap lebih awal inilah yang mengajak pendatang baru tinggal berhampiran. Oleh itu, sebilangan besar jiran responden terdiri daripada saudara sendiri dan hubungan responden dengan jiran atau saudara mara ini adalah rapat.

Kajian ini juga mendapati semua responden mengenali jiran-jiran yang terdiri dari warga Filipina termasuk mereka yang telah menjadi warga negara Malaysia. Di samping itu mereka (1.8%) juga kenal jiran mereka orang Indonesia dari etnik Bugis.

**Jadual 6.1**  
**Kejiranan Responden**

<b>KENAL DENGAN JIRAN (Mengikut Warga negara)</b>	<b>BIL</b>	<b>PERATUS (%)</b>
Warga Malaysia *	11	19.6
Warga Filipina	56	100
Lain-Lain (Indonesia)	1	1.8
<b>MENGENALI JIRAN</b>	<b>56</b>	<b>100</b>

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

\* Orang Filipina yang diberi kerakyatan Malaysia.

Ada beberapa cara yang digunakan untuk mengenali jiran yang terdiri dari bukan saudara mara ataupun jiran-jiran baru seperti yang digambarkan dalam jadual 6.2. Cara yang paling utama (62.5%) digunakan adalah dengan cara bertegur sapa semasa bertemu atau berselisih di jalan, di atas jeti ataupun masjid di kawasan kampung. Walaupun pertemuan ini berlaku dalam masa yang agak terhad tetapi kesempatan ini digunakan untuk berkenalan antara satu sama lain sambil memberitahu satu sama lain latar belakang atau kampung halaman.

Sementara itu, responden (32.1%) juga mengenali jiran mereka dengan cara berkunjung ke rumah jiran mereka sama ada sebelum ataupun selepas mengenali jiran mereka. Ada juga responden (3.6%) berkenalan dengan jiran mereka semasa sama-sama menghadiri majlis kenduri jiran. Mereka biasanya menghadirkan diri apabila menerima undangan dari jiran-jiran yang berdekatan sama ada yang dikenali ataupun belum

dikenali. Kesempatan ini digunakan oleh responden untuk berkenalan dengan jiran-jiran yang baru.

**Jadual 6.2**  
**Cara Responden Mengenali Jiran**

<b>CARA MENGENALI JIRAN</b>	<b>BIL</b>	<b>%</b>	<b>KEUTAMAAN</b>		
			<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>
1. Majlis Kenduri	8	8	2	6	0
2. Mengunjungi Rumah Jiran	51	51	18	33	0
3. Bertemu di Jalan atau jeti	39	39	35	3	1
4. Satu Pekerjaan	1	1	1	0	0
5. Lain-lain	1	1	0	1	0

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang.

Selain dari itu, responden juga mengenali jiran melalui pekerjaan atau tugas mereka. Seorang responden bekerja di tempat yang sama dengan jirannya, sementara seorang lagi kenal jiran-jiran dalam menjalankan tugasnya sebagai Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Masyarakat Pelarian (JKKKMP). Sebagai ketua masyarakat beliau selalu menerima aduan-aduan dari orang kampung apabila ada masalah-masalah tertentu di kampung seperti kematian, pergaduhan dan kecurian.<sup>1</sup>

Semua responden menziarahi jiran mereka. Terdapat banyak sebab yang dikemukakan oleh responden kenapa mereka mengunjungi jiran tetangganya (lihat jadual 6.3). Antara sebab yang dikemukakan adalah mengisi masa lapang (94.6%). Biasanya mereka mempunyai masa lapang pada waktu petang, hujung minggu ataupun waktu tidak bekerja dan kesempatan inilah mereka berkunjungan dengan jiran mereka.

<sup>1</sup> Temu bual dengan Encik Golden Bin Pala pada 11 Mei 1996.

**Jadual 6.3**  
**Sebab-Sebab Responden Menziarahi Jiran**

<b>SEBAB-SEBAB JIRAN</b>	<b>JAWAPAN YA</b>	
	<b>BIL</b>	<b>PERATUS (%)</b>
1. Berjalan-Jalan Masa Lapang	53	94.6
2. Majlis Kenduri	54	96.4
3. Menziarahi Sakit / Kemalangan	52	92.9
4. Menziarahi Kematian	52	92.9
5. Hari Raya	56	100

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

Nota: Semua ( 56 orang) responden menziarahi jiran.

Undangan majlis kenduri (96.4%) merupakan peluang baik bagi responden untuk mengunjungi rumah jiran mereka. Biasanya bila ada majlis kenduri semua jiran yang tinggal berdekatan termasuk kenalan atau saudara mara yang lain dijemput untuk memeriahkan suasana kenduri (lihat lampiran gambar 17). Mereka berasa undangan ini perlu dihadiri untuk mengeratkan tali silaturahim sesama mereka yang inginkan hidup bermasyarakat. Semasa majlis kenduri ini mereka menolong jiran mereka memasak, mendirikan bangsal dan melayan para tetamu dari jauh yang hadir.

Responden juga menziarahi jiran mereka semasa kesusahan seperti kematian (92.9%), sakit atau kemalangan (92.9%). Kedatangan mereka adalah sebagai tanda simpati di samping membantu untuk melakukan perkara-perkara tertentu. Misalnya jika berlaku kematian, mereka membantu menyediakan keranda, batu nisan ataupun menyumbangkan wang sebagai sedekah. Pada Hari Raya pula, semua responden berkunjung ke rumah jiran mereka. Kunjungan ini bukan sahaja dapat mengeratkan silaturahim dengan jiran malah mereka berpeluang bermaaf-maafan.

**Jadual 6.4**  
**Bahasa Yang Digunakan Berinteraksi Dengan Jiran**

BAHASA DIGUNAKAN BERINTERAKSI	JAWAPAN YA	
	BIL	PERATUS (%)
Bahasa Filipina (Suluk / Bajau)	56	100
Bahasa Melayu	39	59.6
Lain-Lain	1	1.8

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang.

Semasa bergaul dan berinteraksi bersama jiran, semua responden mengatakan mereka lebih senang menggunakan bahasa Filipina iaitu Suluk dan Bajau. Bagaimanapun, 39 orang (59.6%) dari responden ini menggunakan bahasa Melayu dan seorang (1.8%) pula menggunakan bahasa lain iaitu Idahan (lihat jadual 6.4). Penggunaan bahasa Melayu adalah terhad kepada golongan kanak-kanak sahaja. Biasanya golongan kanak-kanak ini lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu dalam perhubungan harian kerana mereka lebih selesa dengan bahasa ini setelah menggunakan di sekolah tiap-tiap hari.

Secara keseluruhan dirumuskan bahawa masyarakat pendatang Filipina ini sentiasa menjaga hubungan yang baik bukan sahaja dengan saudara mara bahkan dengan jiran tetangga. Ini didorong oleh keadaan bahawa hubungan yang erat dan baik perlu untuk mewujudkan semangat kemasyarakatan dan untuk mengelakkan perselisihan yang boleh mengancam keamanan kampung. Dengan cara ini mereka boleh diterima oleh penduduk tempatan.

### 6.2.2 Penyertaan Dalam Aktiviti-Aktiviti Sosial Di Peringkat Komuniti

Di Kampung Bakau, banyak aktiviti sosial yang pernah diikuti oleh responden sebagai amalan hidup bermasyarakat (lihat jadual 6.5). Antaranya, seramai 51 orang (91.1%) pernah melibatkan diri dalam aktiviti gotong royong yang biasanya dianjurkan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Masyarakat Pelarian (JKKKMP). Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk membaik pulih jeti rosak, membina surau dan masjid pada hari-hari cuti umum. Bagaimanapun, tidak semua responden menyertai aktiviti gotong royong ini kerana sebahagian (8.9%) daripada mereka sibuk dengan pekerjaan sendiri walaupun diadakan pada cuti umum. Orang kampung turun beramai-ramai menyertai aktiviti gotong royong ini yang biasanya diketuai oleh pemimpin-pemimpin politik.

**Jadual 6.5**  
**Aktiviti-Aktiviti Sosial Yang Diikuti Sendiri Oleh Responden**

<b>JENIS AKTIVITI</b>	<b>JAWAPAN YA</b>	
	<b>BIL</b>	<b>PERATUS (%)</b>
Gotong Royong	51	91.1
Bersukan	33	58.9
Pesta / Keramaian	42	75.0
Lain-lain	0	0

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang.

Selain dari itu, mereka juga menyertai aktiviti-aktiviti keramaian atau pesta di kampung. Aktiviti ini diadakan untuk tujuan menyambut hari perayaan seperti Hari Raya dan Hari Kebangsaan. Banyak aturcara yang diadakan sempena keramaian ini seperti pertandingan atau persembahan kugiran dan nyanyian. Seramai 42 orang (75%)

responden pernah menghadiri pesta atau keramaian ini yang dihadiri oleh orang Filipina yang menjadi warga negara Malaysia dan mereka yang berstatus pendatang tanpa izin.

Dalam aktiviti sukan, seramai 33 orang responden (58.9%) turut terlibat. Namun, penglibatan mereka hanya sebagai penonton sahaja. Biasanya aktiviti ini dianjurkan oleh JKKK, JKKKMP dan pertubuhan-pertubuhan politik. Jenis sukan yang selalu diadakan seperti pertandingan bola sepak, bola tampar, sepak takraw dan pertandingan layang-layang yang diadakan sama ada di bandar Lahad Datu ataupun di kawasan kampung yang berdekatan.<sup>2</sup>

Tidak semua responden dan ahli keluarganya terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh JKKK, JKKKMP dan pertubuhan-pertubuhan politik. Masih ada sebahagian daripada mereka yang hidup hanya dalam satu kelompok keluarga atau saudara mara mereka sahaja. Ini berlaku kerana beberapa sebab: Pertama; oleh kerana mereka adalah pendatang tanpa izin maka mereka segan dan takut untuk keluar menyertai aktiviti yang dianjurkan di kampung mereka. Kedua; masa yang terlalu terhad. Masa mereka lebih banyak ditumpukan kepada pekerjaan sama ada secara makan gaji ataupun kerja sambilan.

### **6.2.3 Penyertaan Dalam Pertubuhan Sosial**

Pendatang Filipina ini ada juga yang memasuki pertubuhan sosial atau politik yang ada di tempat mereka. Penyertaan dalam pertubuhan ini menyebabkan mereka sentiasa dilindungi malah ada yang diberi peruntukan kebajikan seperti yang akan

---

<sup>2</sup> Temu bual dengan Encik Golden Pala pada 11 Mei 1996.

dijelaskan lebih lanjut dalam bab 7 (bahagian 7.1). Penglibatan pendatang Filipina di Kampung Bakau dalam aktiviti komuniti ditunjukkan dalam jadual 6.6.

**Jadual 6.6**  
**Aktiviti Yang Disertai Oleh Responden**

<b>JENIS PERSATUAN / PERTUBUHAN</b>	<b>NAMA PERSATUAN / PERTUBUHAN</b>	<b>PENYERTAAN (Keahlian)</b>	
		<b>BIL</b>	<b>PERATUS %</b>
1. Pertubuhan Sosial	JKKKMP* JKKK**	4 0	7.1 0
2. Lain-Lain	Kelab Tarian Suluk Fardu Kifayah Persatuan Bangsa Suluk	2 3 2	3.6 5.4 3.4

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

Nota; Jumlah responden 56 orang.

\* Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan Kampung Masyarakat Pelarian

\*\* Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan Kampung

### a) Pertubuhan Sosial

Pertubuhan sosial yang ada ialah seperti Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK)<sup>3</sup> untuk masyarakat tempatan (warga negara) dan Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan Kampung Masyarakat Pelarian (JKKKMP) untuk pelarian dan pendatang tanpa izin. Bagaimanapun dalam kajian ini, tidak seorang pun dari responden menjadi ahli JKKK mana kala dalam JKKKMP pula terdapat 4 orang responden yang menjadi ahli.

<sup>3</sup>

Bagaimanapun tidak seorang pun daripada responden yang menyertai aktiviti ini, namun pengkaji dapat menemu bual Pengerusi JKKK dan memerhatikan aktiviti-aktiviti sehari-hari di Kampung Bakau dan Kg. Puyut sepanjang kerja lapangan dilakukan.

JKKK ini adalah jawatankuasa yang dibentuk oleh Ketua Anak Negeri,<sup>4</sup> di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Lahad Datu untuk mengawasi keselamatan dan sebagai badan perantaraan untuk menyampaikan dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan kepada penduduk kampung (lihat lampiran gambar 13). Seorang pengerusi JKKK dilantik oleh Ketua Anak Negeri. Pengerusi JKKK ini pula membentuk beberapa jawatankuasa tertentu yang dikepalai oleh seorang ketua seperti Ketua Keselamatan, Ketua Kebajikan, Ketua Kesihatan, Ketua Sukan & Kebudayaan, Setiausaha, Bandahari. (lihat gambarajah 6.1).

Pengerusi JKKK yang dilantik ialah Encik Juhalal Hj Using orang Filipina yang telah menjadi warga negara Malaysia. Kuasa beliau tidak hanya terhad di Kampung Bakau, malah merangkumi Kampung Puyut dan Kampung Panji. Jawatankuasa ini penting kerana di kawasan ini sering berlaku bermacam masalah seperti pergaduhan, pengedaran dadah, pelacuran, kecurian dan penyeludupan barang-barang termasuk senjata api. Pihak polis begitu sukar untuk memasuki kampung-kampung ini kerana terlalu dimusuhi atau didendami oleh sindiket-sindiket jenayah yang ada di sana.

Jawatankuasa ini juga menjadi begitu penting kerana pihak penguasa tempatan seperti polis dan Majlis Daerah Lahad Datu (MDLD) begitu sukar melaksanakan tugas mereka untuk membuat arahan terhadap masyarakat kampung khususnya pendatang tanpa izin Filipina. Arahan dari pihak penguasa tempatan atau polis, biasanya tidak diendahkan langsung oleh pendatang tanpa izin ini, tetapi mereka akur kepada arahan

---

<sup>4</sup> Ketua Anak Negeri dilantik oleh Pegawai Daerah untuk mengawasi dan menyelaraskan pentadbiran diperingkat mukim ataupun kampung. Beliau yang bertanggung jawab melantik pengerusi JKKK dan ketua Kampung di seluruh daerah Lahad Datu.


JKKK dan JKKKMP. Ini disebabkan mereka lebih suka atau rela bekerjasama dengan ahli-ahli JKKK dan JKKKMP ini yang terdiri dari kalangan bangsa Filipina sendiri. Malah ada di antara mereka dari jawatankuasa ini yang mempunyai pertalian persaudaraan dengan penduduk kampung. Tambahan pula sebilangan mereka bersifat menentang pihak polis dan penguasa tempatan yang sering mengambil tindakan terhadap pendatang Filipina seperti menangkap pendatang tanpa izin dan melarang mereka berniaga secara haram di bandar Lahad Datu. Oleh itu bilangan ahli dalam kedua-dua jawatankuasa ini begitu ramai. Oleh itu menurut Encik Osman,<sup>5</sup> Kampung Panji, Kg. Bakau, Kg. Puyut dan Kg. Air mempunyai seramai 24 orang Ahli Jawatankuasa Tertinggi dalam JKKK. Ketua Polis Daerah (OCPD) telah mengarahkan supaya ahli JKKK ditambah menjadi 100 orang mana kala ahli JKKKMP pula seramai 50 orang untuk mengatasi masalah sosial dan kemasukan pendatang tanpa izin yang semakin bertambah.

Semua papan notis di kampung ini dikeluarkan oleh JKKK dan notis ini bukannya berpunca dari pihak penguasa tempatan Lahad Datu. Misalnya notis menjaga kebersihan persekitaran, amaran keselamatan jalan raya dan sebagainya. Kadang kala fungsi mereka ini nampak berbau politik kerana ahli-ahli kedua jawatankuasa ini mempunyai hubungan rapat dengan pemimpin-pemimpin politik di daerah itu. Lagipun sebahagian daripada mereka terlibat aktif dalam aktiviti-aktiviti politik.

<sup>5</sup>


---

Temu bual dengan Encik Osman bekas ahli JKKKMP pada 15 Mei 1996. Nama sebenar Encik Osman Bakau ialah Encik Hassanuddin Zainuddin. Penulis melantik beliau sebagai informan.



**Gambarajah 6.1 Organisasi JKKK/JKKKMP Kg. Bakau, Kg. Puyut &  
Kg. Panji**

Maklumat: Encik Osaman (bekas Ahli JKKKMP)  
Temu bual pada 15 Mei 1996.

Nota: Bilangan Ahli Jawatankuasa tidak tetap ia ditambah mengikut keadaan.

Identiti ahli JKKK mudah dikenal pasti kerana semasa menjalankan tugas, mereka akan berpakaian kemas dan memakai 'tanda nama' yang diberikan oleh Ketua Anak Negeri. Setiap penduduk kampung yang ada masalah biasanya akan menemui mereka untuk mencari penyelesaian. Semasa penulis menjalankan kajian, pernah JKKK ini mengadakan mesyuarat tergempar untuk berbincang tentang masalah terputusnya bekalan elektrik yang berlaku kira-kira jam 9.00 malam pada 10 Mei 1996. Mereka percaya ada penduduk Kampung Bakau atau Kampung Puyut yang menyambung api lektrik secara haram. Mesyuarat berkenaan diadakan pada 11 hari bulan Mei 1996 pada pukul 9.00 pagi yang dihadiri oleh pengurus, setiausaha, ketua keselamatan dan beberapa ahli jawatankuasa lain. Ahli-ahli mesyuarat mengambil keputusan untuk menyiasat kejadian itu. Menurut Encik Rafail Pala, pengurus JKKKMP kejadian ini bukannya masalah baru tetapi berlaku sejak lama dahulu. Tambahnya lagi, dari awal tahun 1990 hingga 1996 seramai 6 orang telah mati akibat menyambung api letrik secara haram.<sup>6</sup>

JKKKMP pula ditubuhkan oleh Majlis Keselamatan Persekutuan (Pasukan Petugas Khas Persekutuan) Cawangan Tawau dengan tujuan untuk mengawal keselamatan kampung. Namun fungsinya hanya terhad terhadap hal ehwal pelarian dan pendatang tanpa izin Filipina. Majlis ini telah melantik Encik Rafail Pala sebagai pengurus JKKKMP pada tahun 1996. Sebahagian dari ahli-ahli JKKKMP ini telah mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia dan sebahagian lagi masih warga Filipina (masyarakat pelarian tahun 1970 hingga 1996 dan pendatang Filipina selepas tahun 1996). Organisasi pertubuhan ini adalah lebih kurang sama seperti JKKK (lihat rajah 6.1).

---

<sup>6</sup> Temu bual pada 11/5/1996.

Menurut Pengerusi JKKKMP, mereka sering menerima kursus pimpinan dari pihak Pasukan Petugas Khas Persekutuan. Pernah sekali mereka telah di bawa melawat Kuala Lumpur sambil berkursus. Mereka telah diberikan penerangan cara-cara ataupun prosedur yang betul untuk menyelesaikan masalah orang kampung khususnya pelarian dan pendatang tanpa izin Filipina. Masa itu mereka ditanamkan semangat cintakan negeri Sabah agar tidak melakukan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan ancaman kepada negeri Sabah.<sup>7</sup> Pada 6 hari bulan Jun 1996, seramai 63 orang ahli-ahli JKKKMP termasuk ahli-ahli lama dari Kampung Puyut, Kg. Bakau dan Kg. Air dipanggil untuk mengikuti kursus kepimpinan anjuran Pasukan Petugas Khas Persekutuan yang bertempat di Hotel Permaisaba di bandar Lahad Datu. Kursus ini bertujuan untuk menjelaskan tugas-tugas serta cara-cara kepimpinan sebagai ahli JKKKMP. Selepas kursus, mereka diberikan sijil pelantikan sebagai ahli JKKKMP.<sup>8</sup>

Menurut pengerusi JKKKMP, setiap keluarga pendatang tanpa izin yang baru duduk di Kampung Bakau mesti melaporkan diri kepada JKKKMP untuk langkah-langkah keselamatan. Mereka tidak boleh sesuka hati membina rumah di kampung berkenaan. Pada praktiknya, peraturan ini kerap kali tidak dihiraukan. Ramai pendatang tanpa izin ini dilindungi oleh keluarga atau saudara mara mereka semasa mula-mula masuk ke kampung berkenaan, dan sukar bagi JKKKMP melarang mereka dari mendirikan rumah. Walaupun ada JKKKMP kemasukan pendatang tanpa izin ini semakin bertambah dari hari ke hari.

<sup>7</sup> Temu bual dengan **Encik Rafail Pala** pada 11/5/1996.

<sup>8</sup> Maklumat dari seorang ahli JKKKMP (nama dirahsiakan), beliau dan isteri beliau juga terpilih untuk mengikuti kursus berkenaan.

Kedua-dua jawatankuasa JKKK dan JKKKMP ini, merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti untuk penduduk kampung secara berasingan dan bersama. Perjumpaan atau mesyuarat kerap dibuat antara dua atau tiga kali sebulan sama ada di Balai Raya atau rumah pengerusi. Antara aktiviti yang dilakukan seperti gotong royong, ceramah keselamatan, ceramah kesihatan dan pertandingan sukan dan nyanyian, Hari Keluarga dan sebagainya. Biasanya aktiviti ini dijalankan pada awal tahun dan hari-hari perayaan. Setiap aktiviti yang dijalankan oleh JKKK akan dirasmikan oleh ahli-ahli politik seperti YB Datuk Railey Hj Jafrey (ahli Perlimen kawasan N-163 Silam) atau YB Datuk Yusuf Jamlee (ADUN N-45 Silam) yang menjadi penaung aktiviti itu. Malah juga sebahagian aktiviti JKKKMP ditaja oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan.<sup>9</sup> Aktiviti ini sebenarnya bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan antara penduduk dengan ahli JKKK atau JKKKMP agar mereka memberikan kerja sama untuk mewujudkan suasana aman di kampung dan kawasan ini.

Di samping menjaga keselamatan dan kemajuan kampung, JKKK atau JKKKMP menjalankan kegiatan-kegiatan yang berunsur politik. Semasa kajian ini dijalankan misalnya, sebanyak dua kali ahli-ahli JKKK dan JKKKMP ini dikumpulkan untuk menyambut kedatangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN kawasan N45 Silam) mereka pulang ke Lahad Datu.<sup>10</sup> Pada 11 hari bulan Mei 1996 pula, didapati banyak risalah politik yang disebarluaskan kepada ahli-ahli JKKK dan JKKMP. Risalah itu berupa kempen agar membantah pindaan undang-undang atau perlembagaan negeri Sabah yang cuba mengurangkan kuasa Ketua Menteri Sabah (lihat lampiran 1).

<sup>9</sup> Temu bual dengan Encik Golden Bin Pala pada 11 Mei 1996

<sup>10</sup> Pemerhatian pada tarikh 14/05/1996 dan 15/6/1996.

Selain itu, pada 13 Mei 1996 Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Masyarakat Pelarian (JKKKMP) berusaha untuk mendapatkan tanda tangan bagi surat bantahan menghalang Ketua Polis Daerah Lahad Datu yang dipindahkan bertugas ke tempat lain walaupun tempoh 5 tahun bertugas di daerah itu belum tamat. Mereka inginkan Ketua Polis itu kekal berkhidmat di daerah Lahad Datu kerana mereka merasakan mudah untuk berurusan dan bekerja sama dengan beliau. Setakat jam 8.00 pagi pada hari tersebut 64 orang telah menandatangani surat tersebut yang kebanyakannya dari kalangan ahli-ahli JKKK dan JKKKMP.

Di samping itu, semasa penulis menjalankan penyelidikan luar di Kampung Bakau, seorang pendatang tanpa izin Filipina menemui ahli JKKKMP meminta mereka menjamin ahli keluarga yang ditangkap polis. Menurut responden,<sup>11</sup> biasanya ahli JKKKMP dan JKKK ini menerima wang komisen antara RM 100 hingga RM 500 apabila berjaya membebaskan ahli keluarga berkenaan.

Semasa berada di kawasan baru khususnya di Kampung Bakau, pendatang Filipina juga menghadapi pelbagai masalah seperti kematian ahli keluarga atau saudara mara, kecurian, pergaduhan dan masalah-masalah yang berkaitan dengan kes polis ataupun ditangkap oleh pihak imigresen. Semua masalah ini tidak dapat diselesaikan secara persendirian. Mereka perlukan orang tertentu yang boleh membantu. Pengkaji mendapati biasanya responden juga menemui orang tertentu untuk membantu mereka apabila menghadapi kesusahan seperti yang digambarkan dalam jadual 6.7.

<sup>11</sup>


---

Nama responden dirahsiakan, temu bual pada 13hb Mei 1996.

**Jadual 6.7**  
**Orang Yang Ditemui oleh Responden Semasa Kesusahan**

<b>KEJADIAN</b>	<b>ORANG YANG DITEMUI</b>				
	<b>Ketua KG.</b>	<b>JKKK</b>	<b>JKKKMP</b>	<b>IMAM</b>	<b>LAIN-LAIN</b>
1.Kematian	31	2	19	55	1
2.Kecurian	17	11	28	-	-
3.Pergaduhan	15	11	28	-	-
4.Terlibat Kes Polis	14	15	29	-	-
5.Ditangkap Imigresen	15	14	29	-	-

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang.

Kalau berlaku kecurian, pergaduhan, kes yang akan melibatkan pihak polis dan imigresen, paling ramai responden ini menemui JKKKMP untuk menyelesaikan masalah ini kerana kebanyakan status responden adalah sebagai pendatang tanpa izin ataupun pelarian Filipina. Tetapi bagi pendatang Filipina yang telah menjadi rakyat Sabah, mereka akan menemui Ketua Kampung dan JKKK. Hanya masalah kecurian dan pergaduhan yang tidak dapat diselesaikan oleh jawatankuasa-jawatankuasa ini akan dibawa kepada pihak polis.

**b) Lain-Lain**

Seperti yang tertera dalam jadual 6.6 di atas, lain-lain persatuan yang disertai adalah persatuan etnik, persatuan agama dan Persatuan Kebudayaan dan Kesenian. Hanya ada satu persatuan etnik iaitu Persatuan Bangsa Suluk di Kampung Bakau. Tetapi persatuan ini telah dibubarkan pada Februari 1996 oleh pihak Pasukan Petugas Khas Persekutuan kerana terlibat dalam sindiket mengeluarkan atau menjual kad pengenalan palsu.<sup>12</sup> Dari kajian ini seramai dua orang responden pernah menyertai persatuan ini.

<sup>12</sup>

Maklumat dari **Encik Rafail Pala** (Pengerusi JKKKMP) pada 8/5/1996.

Persatuan Kebudayaan pula, adalah seperti Kelab Tarian Suluk. Ahlinya seramai 40 orang yang terdiri dari golongan belia dan dewasa. Seramai dua orang responden terlibat secara langsung dengan kelab ini dan mereka memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Kecil. Perjumpaan dan latihan dibuat pada setiap bulan, namun jika ada persesembahan mereka akan kerap berlatih. Persesembahan ini adalah bagi majlis-majlis yang diadakan untuk sambutan perayaan seperti Hari Raya, Pesta Keamatan,<sup>13</sup> Hari Belia Kampung yang diadakan di balai raya kampung atau dewan daerah di Lahad Datu.

Persatuan agama yang ada iaitu Persatuan Fardu Kifayah diketuai oleh seorang imam kampung yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Cawangan Lahad Datu. Persatuan ini ada kira-kira 30 orang ahli dan antaranya ialah tiga dari responden. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti ceramah agama, kursus memandikan mayat, membaca yasin dan tahlil yang diadakan tiga atau empat bulan sekali pada hari-hari kebesaran umat Islam. Aktiviti ini diadakan sama ada di rumah imam, surau ataupun balai raya.<sup>14</sup> Biasanya segala program yang diadakan dinaungi oleh pihak MUIS Lahad Datu, YB Datuk Railey Jefrey (Ahli Perlimen) dan YB Yusuf Jamlee (ADUN).

Jika berlaku kes kematian ahli keluarga ataupun saudara mara Islam pendatang Filipina, orang yang paling utama ditemui untuk membantu adalah imam kampung dan ahli-ahli Persatuan Fardu Kifayah. Mereka dipanggil untuk menguruskan mayat seperti memandikan mayat, melakukan sembahyang mayat dan majlis pengkebumian. Selain itu,

<sup>13</sup> Dahulu dikenali sebagai "Pesta Menuai." Ia merupakan upacara kesyukuran selepas menuai oleh kaum-kaum Bumiputera Sabah khususnya Kadazan dan Dusun.

<sup>14</sup> Temu bual dengan Encik Ahmad Bin Marjhani pada 15 Mei 1996

sebilangan warga tempatan (55.4%) akan menemui ketua kampung mana kala pendatang tanpa izin dan pelarian (33.9%) pula menemui JKKKMP meminta pertolongan mengarahkan masyarakat kampung bekerjasama untuk menguruskan mayat seperti menyediakan keranda, batu nisan, mengangkat mayat dan sama-sama melakukan sembahyang mayat dan membuat majlis pengkebumian (lihat jadual 6.7). Responden yang beragama Kristian pula menemui ketua gereja di Kampung Tengku, Lahad Datu.

Jumlah responden yang beragama Islam di Kampung Bakau seramai 55 orang (98.2%) mana kala bukan Islam seorang (1.8%). Bagi yang beragama Islam, seramai 25 orang (44.6%) mengerjakan sembahyang Jumaat di Masjid Kampung Puyut, 19 orang (33.9%) di surau Kampung Bakau dan selebihnya 7 orang (12.5%) di Masjid Lahad Datu. Mereka terpaksa bersembahyang secara berpecah-pecah di masjid atau surau yang berasingan kerana masjid di Kampung Puyut dan Surau di Kampung Bakau tidak dapat menampung jumlah jemaah yang terlalu ramai. Lebih-lebih lagi pada hari perayaan seperti Hari Raya: mereka (44.6%) terpaksa mengerjakan sembahyang sunat Hari Raya di lain-lain tempat iaitu kawasan padang bola bandar Lahad Datu (lihat jadual 6.8).

**Jadual 6.8**  
**Aktiviti-Aktiviti Yang Dilakukan Oleh Responden**

IBADAT	JAWAPAN		TEMPAT			
			BANDAR LAHAD DATU	KG. PUYUT	KG. BAKAU	
<b>a) PENGANUT ISLAM</b>	<b>YA</b>	<b>%</b>	<b>SURAU/MASJID</b>			
Bersembahyang Jumaat	51	91.1	7	25	19	
Sembahyang Hari Raya	51	91.1	25	11	15	
Mendengar Ceramah Agama	37	66.1	0	7	30	
<b>b) PENGANUT KRISTIAN</b>	<b>YA</b>	<b>%</b>	<b>GEREJA</b>			
Bersembahyang	1	1.8	JALAN TENGKU, LAHAD DATU			
Menyambut Perayaan Kristmas	1	1.8	JALAN TENGKU, LAHAD DATU			
Dapat Bantuan Utk Kematian	-	-	-			

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang.

Untuk mendengar ceramah-ceramah agama pula, mereka hanya pergi ke masjid di Kampung Puyut (12.5%) dan surau Kampung Bakau (53.6%). Namun begitu hanya seramai 67.3% dari 55 responden yang beragama Islam mengikuti aktiviti-aktiviti ceramah agama yang dianjurkan oleh pihak Majlis Ugama Islam (MUIS) Cawangan Lahad Datu.

Bagi responden yang bukan Islam, adalah mereka dari kalangan etnik Visaya yang beragama Kristian. Mereka biasanya bersembahyang dan menyambut perayaan Kristmas di Gereja di Tengku, iaitu kira-kira 50 Kilometer dari bandar Lahad Datu. Walaupun, setakat ini responden belum pernah menghadapi kematian ahli keluarga ataupun saudara mara di Sabah, namun mereka menyatakan apabila berlaku kematian kelak mereka akan menemui padri gereja Tengku mendapatkan bantuan untuk menguruskan mayat.<sup>15</sup>

### **6.3 Di Peringkat Luar Komuniti**

#### **6.3.1 Hubungan Dengan Saudara Mara Di Sabah**


Seperti yang dijelaskan dalam bab 2 dan 4 penghijrahan orang Filipina ke Sabah berlaku sejak awal abad ke-19, malah berdasarkan sejarah penghijrahan ini adalah lebih awal lagi iaitu dalam abad ke-15. Oleh itu, ramai orang Filipina hari ini mempunyai saudara mara di Sabah yang berhijrah sejak dahulu lagi. Kajian ini mendapati seramai 51 orang (91%) responden mempunyai saudara mara di Sabah mana kala 5 orang (9%) pula tidak (lihat carta 6.1).

<sup>15</sup>


---

Temu bual dengan Encik Hortal Bin Lohayon pada 7 Mei 1996.

Saudara mara ini bukan sahaja menetap di daerah Lahad Datu bahkan di lain-lain daerah di Sabah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 6.9. Dalam jadual ini didapati paling ramai iaitu 47 orang (83.9%) responden mempunyai saudara mara di daerah Lahad Datu. Ada antara saudara mara ini tinggal sama kampung dengan responden iaitu berhampiran dengan rumah responden dan yang lainnya di kampung-kampung lain seperti Kampung Panji, Kampung Ipil, Kampung Singahmata, Kampung Sabah Baru, Tanjung Labian, di Tengku dan kawasan FELDA Sahabat 16.



Nota: Jumlah responden 56 orang.

**Jadual 6.9**  
**Saudara Mara Responden Mengikut Daerah Di Sabah**


DAERAH ATAU KAWASAN	BIL	%
LAHAD DATU	47	83.9
TAWAU	21	37.5
SEMPORNA	20	35.7
KUNAK	13	23.2
SANDAKAN	24	42.9
KOTA KINABALU	18	32.1
LAIN-LAIN	4	7.1

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang.

Selain dari daerah Lahad Datu, saudara mara responden ini juga berada di daerah lain seperti daerah Sandakan (42.9%), Tawau (37.5%), Semporna (35.7%), Kota Kinabalu (32.1%), Kunak (23.2%) dan yang lain-lainnya iaitu 7.1% di daerah Wilayah Persekutuan Labuan, Keningau dan Kuala Lumpur. Hubungan responden dengan saudara mara yang tinggal berdekatan seperti di daerah Lahad Datu, Tawau, Semporna dan Kunak boleh dikatakan masih rapat dan mesra kerana mereka masih lagi saling ziarah menziarahi antara satu sama lain.

Seperti yang ditunjukkan dalam carta 6.2 seramai 44 orang (78%) dari 56 responden menziarahi saudara mara di Sabah mana kala 7 orang (13%) pula tidak dan 5 orang (9%) tidak ada saudara mara. Kekerapan menziarrah biasanya dipengaruhi oleh jarak tempat tinggal responden. Jika dekat maka mereka boleh kerap menziarahi saudara mara ini sebaliknya jika jaraknya jauh, ini tidak dapat dilakukan.



Sebilangan besar responden (56.8%) mengatakan mereka menziarahi saudara mara untuk berhari raya (lihat Jadual 6.10). Pada musim perayaan Hari Raya Puasa mereka paling cenderung melawati keluarga sama ada mereka tinggal jauh ataupun dekat. Menurut responden pada masa itu, mereka mesti menjumpai saudara mara mereka

untuk mengeratkan lagi tali persaudaraan sambil bermaaf-maafan. Biasanya sebelum tibanya Hari Raya mereka terpaksa mengumpul wang tambang untuk menampung kos penziarahan saudara mara yang jauh.

Selain dari itu, seramai 18 orang (40.9%) responden melawat saudara mara untuk mengisi masa lapang. Alasan ini biasa dikemukakan oleh responden yang tinggal berdekatan, mereka menziarahi pada hari hujung minggu iaitu semasa tidak bekerja. Lain-lain alasan pula, seperti bertanya khabar (34.1%), menghadiri kenduri atau majlis perkahwinan (34.1%) dan untuk meminjam duit (2.3%).

**Jadual 6.10  
Sebab-Sebab Responden Menziarahi Saudara Mara**

<b>SEBAB-SEBAB MENZIARAHİ SAUDARA MARA</b>	<b>BIL</b>	<b>PERATUS (%)</b>
1. Mengisi Masa Lapang dan Melawat	18	40.9
2. Bertanya Khabar Berita	15	34.1
3. Berhari Raya	25	56.8
4. Menghadiri Majlis Perkahwinan/ Kenduri	15	34.1
5. Pinjam Duit	1	2.3
Jumlah Menziarahi	44	-
<b>SEBAB-SEBAB TIDAK MENZIARAHİ SAUDARA MARA</b>	<b>BIL</b>	<b>PERATUS (%)</b>
1. Tiada Saudara Mara	5	41.7
2. Tambang Mahal / Jauh/ Tiada Wang	6	50
3. Takut Ditangkap Pihak Polis	1	8.3
4. Tidak Tahu Alamat / Putus Hubungan	1	8.3
Jumlah Tidak Menziarahi	12 *	-

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.


Nota: Jumlah responden 56 orang. (Simbol \* termasuk yang tiada Saudara mara)

Seramai dua belas orang responden yang tidak menziarahi saudara mara, kebanyakannya mereka (50%) mengatakan mereka tidak berbuat demikian kerana mereka tinggal berjauhan. Responden tidak mempunyai wang untuk membiayai tambang yang tinggi iaitu lebih RM 100 seorang untuk ke Kota Kinabalu. Di samping itu, seorang responden tidak tahu alamat kerana putus perhubungan setelah saudara mereka berpindah tempat kerja dan tempat tinggal. Bahkan seorang lagi takut untuk keluar dari kampung atau daerah Lahad Datu. Beliau bimbang sekiranya terserempak dengan pihak berkuasa, akan ditangkap kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan sah. Sementara itu, lima orang responden tidak menziarahi saudara mara kerana tidak ada saudara mara.

Dapatlah dirumuskan bahawa pada amnya pendatang Filipina ini seboleh-bolehnya akan cuba menghubungi saudara mereka di Sabah walaupun mereka tinggal dalam jarak yang berjauhan di berapa daerah di Sabah. Mereka masih lagi ziarahi menziarahi sesama mereka, namun bagi saudara mara berjauhan dengan responden hubungan mereka bolehlah dikatakan rengang.

### **6.3.2 Bantuan Saudara Mara Semasa Berhijrah Ke Sabah**

Boleh dikatakan saudara mara di Sabah memainkan peranan penting ketika responden mula-mula datang. Mereka bukan sahaja sebagai tempat berlindung malah sentiasa diharapkan boleh membantu responden mengatasi masalah yang dihadapi semasa mula-mula datang di Sabah. Kajian ini mendapati seramai 40 orang (75%) responden telah dibantu oleh saudara mara mana kala 13 orang (25%) tidak (lihat carta 6.3).



Nota: Jumlah responden 56 orang.

**Jadual 6.11**  
**Jenis Bantuan Yang Diberikan Oleh Saudara Mara Semasa Responden Mula Sampai Di Sabah**

JENIS BANTUAN	BIL	PERATUS (%)
Tempat Tinggal Sementara	17	42.5
Duit Belanja	2	5
Tempat Tinggal Sementara + Duit Belanja	20	50
Tempat Tinggal Sementara + Cari Kerja	1	2.5
<b>JUMLAH</b>	<b>40</b>	<b>100</b>
<b>TIDAK BERI BANTUAN</b>	<b>BIL</b>	<b>%</b>
Tiada Saudara Mara	7	53.8
Terus Masuk Kerja	5	38.5
Sama-Sama Susah	1	7.7
<b>JUMLAH</b>	<b>13</b>	<b>100</b>

Sumber : **Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.**

Nota: Jumlah responden 56 orang.

(3 orang keturunan Filipina yang dilahirkan di Sabah).

Jenis bantuan yang diberikan adalah seperti yang digambarkan dalam jadual 6.11.

Dari 40 responden yang dibantu, seramai 95% telah menerima kemudahan tempat tinggal sementara. Menurut responden, bantuan ini sangat penting kerana pada masa itu mereka tidak mempunyai sebarang tempat tinggal di Sabah. Tempat tinggal yang disediakan dijadikan tempat berlindung ataupun bersembunyi dari tangkapan polis. Responden tidak

perlu risau terhadap pihak berkuasa atau mencari rumah sewa dan ini mempercepatkan usaha mencari kerja.

Selain itu, seramai 22 orang (55%) responden menerima bantuan duit belanja daripada saudara mara mereka. Bantuan ini selalunya diberikan kerana semasa sampai ke Sabah responden telah banyak membelanjakan wang untuk tambang penghijrahan. Maka bantuan duit belanja ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan sedikit beban yang ditanggung oleh responden. Bagaimanapun, jumlah bantuan wang ini tidak begitu banyak iaitu antara RM 50 hingga RM 200 sahaja.

Di samping itu, hanya seorang responden dibantu oleh saudara mara mereka untuk mencari pekerjaan. Sedikit sahaja bilangan responden yang menerima bantuan ini kerana kebanyakan mereka lebih suka mencari kerja sendiri seperti yang dibincangkan dalam bab 5. Biasanya kerja yang dicarikan oleh saudara mara adalah kerja yang sama dilakukan saudara mara mereka.

Sementara itu, seramai 13 orang (25%) responden yang tidak menerima sebarang bantuan ketika mula sampai ke Sabah. Tujuh orang tidak mempunyai saudara mara di Sabah. Selainnya seramai lima orang (38.5%) pula terus masuk ke kem kerja semasa mula-mula sampai dan seorang lagi responden mengatakan tidak diberikan sebarang bantuan oleh saudara mara mereka kerana sama-sama susah.

### **6.3.3 Hubungan Dengan Penduduk Kampung Lain**

Pendatang asing tanpa izin lazimnya merupakan masyarakat yang tertutup dari segi interaksi dengan masyarakat luar terutamanya penduduk tempatan yang tinggal berhampiran. Oleh kerana mereka masuk secara haram mereka begitu takut untuk

bergaul dengan orang tempatan kerana mereka merasakan orang tempatan curiga dengan kehadiran mereka yang selalunya dikaitkan dengan masalah sosial.

Kajian ini mendapati seramai 47 orang (83.9%) responden mempunyai kenalan di kalangan penduduk kampung lain (lihat jadual 6.12) seperti di Kampung Panji, Kampung Puyut, Kampung Ipil, Kampung Air, Kampung Singahmata, Kampung Sabah Baru dan lain-lain. Namun perhubungan mereka boleh dikatakan terhad kepada etnik Filipina sahaja kerana kampung-kampung yang disebutkan adalah penempatan pendatang Filipina. Kesemua kampung berkenaan didiami oleh pendatang yang telah mendapat taraf kewarganegaraan ataupun pendatang tanpa izin. Setiap kenalan mereka di kampung berkenaan ditemui di tempat pekerjaan (82.1%), selainnya terdiri dari saudara mala (62%), kawan-kawan (10.7%) dan kenalan melalui penglibatan dalam politik (4.2%).

**Jadual 6.12  
Sebab Responden Mengenali Penduduk Kampung Lain**

<b>SEBAB KENAL</b>	<b>JAWAPAN YA</b>	
	<b>BIL</b>	<b>PERATUS (%)</b>
Rakan Sekerja	13	27.7
Kawan	5	10.6
Saudara Mara	3	6.4
Penglibatan Aktiviti Politik	2	4.2
Satu Pekerjaan + Saudara	32	48.9
Satu Pekerjaan + Kawan	1	2.1
<b>KENAL PENDUDUK KG LAIN</b>	<b>47</b>	<b>100</b>

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang.

Seramai 9 orang (16.1%) responden tidak kenal penduduk kampung lain. Dari jumlah ini, seramai 8 orang (88.9%) menjelaskan mereka tidak mengenali seorang pun

penduduk luar kerana kurang berjalan-jalan dan seorang pula tidak mengenali sesiapa dengan alasan baru sampai di Sabah (lihat Jadual 6.13). Bagaimanapun, jawapan mereka ini masih meragukan kerana berdasarkan jangka masa menetap di Sabah seramai 5 orang sahaja yang baru menetap di Sabah kira-kira 1 hingga 6 tahun (1991 hingga 1996). Agak mustahil dalam jangka masa ini mereka belum mempunyai seorang kenalan pun di kampung lain. Tetapi sekiranya benar mereka masih tidak mempunyai kenalan, bererti pergaulan sebahagian dari mereka amat terhad.

**Jadual 6.13**  
**Sebab Responden Tidak Kenal Penduduk Kampung Lain**

<b>SEBAB TAK KENAL</b>	<b>JAWAPAN YA</b>	
	<b>BIL</b>	<b>PERATUS (%)</b>
1. Baru Sampai di Sabah	1	11.1
2. Kurang Berjalan-jalan	8	88.9
<b>TAK KENAL PENDUDUK KG LAIN</b>	<b>9</b>	<b>100</b>

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang.

#### **6.3.4 Hubungan Dengan Etnik Lain**

Perhubungan bersama etnik lain, ditunjukkan dalam jadual 6.14. Seramai 49 orang (87.5%) dari 56 responden mempunyai kenalan dengan etnik Cina. Namun begitu, hubungan ini terhad kepada majikan kerana ramai di kalangan mereka bekerja dengan majikan Cina. Kenalan ini juga terdiri dari tauke-tauke kedai di mana mereka mendapatkan sumber barang-barang perniagaan dan keperluan sendiri.

**Jadual 6.14**  
**Hubungan Responden Dengan Etnik Lain**

ETNIK / RAS	BIL	PERATUS (%)
Cina	49	87.5
India	19	33.9
Indonesia	43	76.8
Lain-Lain	5	8.9

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang.

Seramai 43 orang (76.8%) daripada responden mempunyai kenalan di kalangan orang Indonesia. Biasanya mereka adalah kenalan di tempat kerja, terutamanya bagi mereka yang bekerja dalam sektor pembinaan, ladang, perkilangan dan pembalakan. Mereka ini mempunyai hubungan yang baik dengan orang Indonesia ini. Status mereka juga sama seperti responden, ada yang telah menjadi warga negara Malaysia atau pendatang tanpa izin. Namun begitu, terdapat juga maklumat dari penduduk tempatan bahawa di kalangan orang Filipina iaitu antara etnik Bajau, Suluk dan Visayas, dan Bugis sering bergaduh di kawasan Kg. Panji, Kg. Puyut termasuk Kg. Bakau. Kadang-kadang terjadi pertumpahan darah kerana mereka menggunakan parang.<sup>16</sup> Keadaan hubungan yang kurang baik antara etnik Filipina dan (Bugis) Indonesia ini telah dijelaskan oleh Norlia Appi (1996:55) kerana sering timbul pergaduhan-pergaduhan antara mereka.

Di samping itu, seramai 33.9% dari kenalan mereka terdiri dari etnik India yang lebih dikenali sebagai mamak. Etnik ini merupakan pekerja ataupun tauke restoran di bandar Lahad Datu. Responden selalu datang ke restoran-restoran di bandar untuk makan

<sup>16</sup> Muklumat dari Abdul Ghani pada 8 hb Mei 1996.

tengah hari ataupun minum petang. Oleh kerana terlalu kerap ke sana, hubungan mereka dengan etnik ini menjadi bertambah mesra. Lain-lain kenalan (8.9%) terdiri daripada etnik Melayu, Kadazan dan warga Pakistan. Etnik Melayu dan Kadazan merupakan kenalan dari satu tempat kerja mana kala etnik Pakistan pula adalah peniaga yang selalu menjual barang-barang dengan kemudahan kredit kepada penduduk Kampung Bakau. Kesemua responden mengatakan hubungan mereka dengan etnik-etnik ini adalah mesra dan baik, belum pernah timbul perselisihan di antara mereka.

Sambutan terhadap etnik lain iaitu etnik Brunei dan Kadazan (misalnya pengkaji yang masuk ke Kampung Bakau) digambarkan dalam jadual 6.15. Kesemua responden menyatakan suka terhadap kedatangan pengkaji<sup>17</sup>. Bagaimanapun, di sebalik kemesraan mereka terdapat tujuan tertentu yang diharapkan dari pengkaji. Hanya 6 orang (10.7%) sahaja daripada responden yang benar-benar menyambut baik kedatangan pengkaji agar dapat berkenalan.

Tetapi lebih ramai iaitu 83.9% suka kedatangan pengkaji kerana peluang untuk mengemukakan masalah di Kampung Bakau berkaitan dengan kesusahan mereka. Misalnya masalah kemudahan asas yang tidak mencukupi seperti air, api, jeti, surau dan klinik. Masalah anak yang tidak dapat bersekolah sebab tidak ada sijil beranak dan keadaan mereka yang tidak begitu bebas bergerak ke mana-mana di Sabah sebab tidak memiliki kad pengenalan atau dokumen perjalanan yang sah. Di samping itu mereka juga takut dihalau oleh kerajaan kerana mendirikan rumah secara haram.

<sup>17</sup> Bagaimanapun pandangan ini tidak termasuk pendatang Filipina yang tidak memberikan kerja sama kepada pengkaji. Di sini, pemilihan sampel kajian nampak bias sedikit namun hanya 5 orang ketua rumah tangga yang tidak memberikan kerja sama.

**Jadual 6.15**  
**Sambutan Responden Terhadap Pengkaji (Etnik Lain)**

SEBAB SUKA KEDATANGAN PENGKAJI	BIL	PERATUS (%)
Dapat Berkenalan	6	10.7
Dapat Kemukakan Masalah	47	83.9
Harap Nanti Dapat Kad Pengenalan	1	1.8
Harap Bantuan Kerajaan	2	3.8
<b>SUKA KEDATANGAN PENGKAJI</b>	<b>56</b>	<b>100</b>

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang.

Dengan mendedahkan masalah ini mereka mengharapkan bantuan dari kerajaan agar masalah ini dapat diatasi. Seorang responden pula secara terus terang mengharapkan pengkaji akan dapat membantu mendapatkan kad pengenalan ataupun taraf kewarganegaraan. Mereka telah menyalah anggap tentang kedatangan pengkaji. Keadaan ini menggambarkan suatu trend yang sedia ada berkaitan kemasukan etnik lain yang selalu menolong mereka di kampung ini berkaitan dengan pemberian kad pengenalan ataupun peruntukan-peruntukan kerajaan. Sementara dua orang responden pula menyambut kedatangan pengkaji dengan mengharapkan bantuan kemudahan-kemudahan seperti api, air dan jeti dari kerajaan.

Dirumuskan bahawa hubungan antara etnik pendatang Filipina di Kampung Bakau dengan etnik-etnik lain (termasuk etnik-etnik tempatan) di Sabah adalah baik dan mesra, namun hubungan ini hanya terhad dalam persekitaran di mana mereka berada. Misalnya di tempat kerja yang sama, di tempat mereka membeli barang-barang keperluan harian dan sebagainya. Keadaan ini sama seperti kajian Marsitah (1991:285-287) di Semenanjung Malaysia, hubungan terjalin antara pendatang Indonesia dan


penduduk tempatan misalnya majikan (tempatan) dengan pekerja (pendatang Indonesia) terhad di sekitar kerja sahaja. Begitu juga dengan rakan sekerja lain.

## **6.4 Hubungan Dengan Negara Asal**

### **6.4.1 Keluarga Rapat Di Filipina**

Umumnya setiap keluarga pendatang Filipina di Sabah mempunyai keluarga rapat dan saudara mara yang masih menetap di Filipina. Pertalian yang rapat di antara mereka menimbulkan dorongan untuk pulang ke tanah air bagi melawat keluarga atau saudara mara ini.

Carta 6.4 dan jadual 6.16, menunjukkan 44 orang (79%) responden di Kampung Bakau masih mempunyai keluarga rapat di negara Filipina. Keluarga rapat ini terdiri dari ibu, bapa, anak-anak, adik beradik dan saudara mara kepada responden yang baru sampai di Sabah. Paling ramai iaitu 31 orang (70.1%) responden masih mempunyai saudara mara yang terdiri daripada sepupu, nenek dan bapa atau emak saudara.



**Jadual 6.16**  
**Keluarga Rapat Responden Di Filipina**

<b>KELUARGA RAPAT DI FILIPINA</b>	<b>BIL</b>	<b>%</b>	<b>KELUARGA RAPAT DI FILIPINA</b>	<b>Bil</b>	<b>%</b>
Ibu	-	-	Ibu bapa + Anak + Adik ber	1	1.8
Bapa	1	1.8	Ibu bapa + S'dara	2	3.4
Anak	1	1.8	Ibu bapa + Adik ber	3	5.4
Adik Ber	6	10.7	Ibu bapa + Adik ber + S'dara	4	7.1
Saudara Mara	11	19.6	Adik ber + S'dara	6	10.7
Bapa + Adik ber	1	1.8	Anak + Adik ber+ S'dara	1	1.8
Adik beradik + Nenek	1	1.8	Ibu + S'dara	1	1.8
Bapa + Adik ber + S'dara	3	5.4	Bapa + S'dara	1	1.8
Ibu + Adik ber+ S'dara	1	1.8	<b>Tiada S'dara Mara</b>	<b>12</b>	<b>21.4</b>
<b>Jumlah</b>				<b>56</b>	<b>100</b>

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei - Jun 1996

Nota: Adik ber = Adik Beradik, s'dara=saudara

Seramai 22.1% responden tidak mempunyai keluarga rapat di Filipina. Mereka adalah pendatang Filipina yang telah lama menetap di Sabah iaitu lebih dari 20 tahun. Sebilangan kecil saudara mara mereka telah meninggal dunia. Bagaimanapun, pada keseluruhannya keluarga rapat responden yang masih berada di Filipina terdiri dari saudara mara (70.1%), adik beradik (61.4%), ibu bapa (40.9%) dan anak-anak (4.5%). Semua keluarga rapat ini kecuali anak-anak (bersekolah) masih menetap di Filipina. Menurut responden, mereka pernah mengajak saudara mara ini berhijrah ke Sabah namun mereka tetap tidak mahu. Mereka enggan meninggalkan harta-harta yang diwarisi di Filipina. Bahkan, saudara mara ini mengatakan kehidupan di Sabah lebih terkongkong kerana terlalu banyak peraturan dan mereka terpaksa melarikan diri daripada pihak berkuasa kerana tiada pasport atau kad pengenalan. Kadang-kadang terpaksa mengeluarkan duit untuk melepaskan diri daripada ditangkap polis.

Walaupun hubungan mereka terpisah akibat tinggal berjauhan, namun responden ini masih lagi menjaga persaudaraan. Responden masih lagi menziarahi keluarga rapat mereka semasa pulang ke Filipina. Berdasarkan pemerhatian dan temu bual di Kampung

Bakau, ada keluarga atau saudara mara dari Filipina ini datang ke Sabah seminggu dua untuk melawati keluarga responden. Menurut responden saudara mara dari Filipina kerap menziarahinya iaitu sebanyak tiga kali atau lebih dalam setahun.

#### 6.4.2 Pulang Ke Filipina

Ikatan sosial yang rapat dengan keluarga atau saudara mara di Filipina mendorong responden berusaha untuk mengumpulkan wang menampung kos pulang ke negara asal. Dari 44 responden yang mempunyai keluarga rapat di Filipina 27 orang (61.4%) pernah pulang selepas berhijrah ke Sabah (libat jadual 6.17). Sementara 17 orang (38.6%) yang lain belum pernah pulang sejak datang ke mari. Kadar peratusan mereka yang pulang ini lebih tinggi berbanding dengan kajian di Pulau Gaya di Kota Kinabalu, di mana pendatang yang pulang ke Filipina hanya mencapai 53 orang (44.2%) dari 120 orang responden (Zulkiflie, 1993/94:95). Perbezaan peratusan ini mungkin disebabkan jarak daerah Lahad Datu lebih dekat dengan sempadan negara Filipina berbanding Kota Kinabalu.

**Jadual 6.17**  
**Kekerapan Responden Pulang Ke Filipina**

KEKERAPAN PULANG	BIL	%	TAHUN TERAKHIR PULANG KE FILIPINA					KENDERaan	
			< 1980	1980-1985	1986-1990	1991-1995	1996	Tempel	Kapal Terbang
1 kali	16	59.3	-	1	6	7	2	16	0
2 kali	8	29.6	-	-	3	5	-	8	0
3 kali	1	3.7	-	-	1	-	-	1	0
Banyak kali (>3)	2	7.4	-	-	-	1	1	2	0
<b>Jumlah</b>	<b>27</b>	<b>100</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>10</b>	<b>13</b>	<b>3</b>	<b>27</b>	<b>0</b>

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang.

Responden pulang kerana beberapa sebab misalnya untuk menziarahi keluarga (sama ada ibu bapa, anak-anak, adik beradik ataupun saudara); untuk menghadiri kenduri-kenduri perkahwinan, menziarahi kematian atau berhari raya di kampung halaman. Ada juga di kalangan mereka pulang ke Filipina semata-mata untuk tujuan berubat akibat sakit yang dihadapi. Misalnya sakit demam panas yang berlarutan, mereka percaya bahawa penyakit ini hanya boleh diubati dengan cara menziarahi kubur datuk moyang mereka di Filipina. Namun ada juga yang pulang kerana berjumpa bomoh atau pawang untuk mengubati penyakit yang tidak dapat diubati oleh bomoh atau doktor di Sabah. Di samping itu, ada juga di kalangan responden yang menyatakan kepulangan mereka ke Filipina untuk tujuan melawat ladang atau kebun yang tinggalkan di Filipina. Kepulangan mereka ini disesuaikan dengan musim tertentu, misalnya musim buah-buahan agar dapat menikmati hasil dari ladang atau kebun tadi.

Alasan bagi responden yang tidak pulang, ialah selalunya kerana mereka tiada masa. Sebahagian besar masa yang ada ditumpukan untuk bekerja khususnya bekerja makan gaji dan melakukan kerja sambilan semasa cuti.

Dari segi kekerapan pulang, seramai 16 orang (59.3%) responden pernah pulang ke negara asal hanya sekali dalam masa 10 tahun kebelakangan ini. Mereka pulang ke kampung halaman pada masa Hari Raya. Mereka tidak mampu kerap balik ke Filipina kerana miskin. Bagaimanapun, 40.7% dari responden pulang ke Filipina lebih dari sekali iaitu lapan orang sebanyak 2 kali, seorang 3 kali dan dua orang pula lebih dari 3 kali. Namun, kepulangan mereka ini tidaklah dikatakan sebagai kerap kerana ia dibuat khusus untuk tujuan tertentu seperti yang dinyatakan di atas.

Antara tahun 1991 dan 1996 merupakan tahun terakhir responden pulang ke Filipina iaitu seramai 16 orang (59.3%). Biasanya responden ini pulang menaiki tempel dan pergi balik melalui sempadan Sabah tidak mengikut cara yang sah. Ini membuktikan bahawa kawalan antara perairan sempadan Sabah dengan Filipina tidak begitu ketat.

Sementara itu, kajian ini juga membuktikan bahawa walaupun pendatang Filipina ini tidak begitu kerap pulang ke Filipina namun mereka masih tetap tidak melupakan ahli-ahli keluarga rapat yang masih berada di Filipina. Ini menunjukkan bahawa ikatan tali persaudaraan tetap kuat walaupun mereka tinggal berjauhan.

Kos pulang yang ditanggung oleh responden tidaklah begitu tinggi iaitu antara RM 100 - RM 200 (1,000 hingga 2,000 pesos) seorang untuk membiayai tambang tempel pergi balik ke Filipina. Bagaimanapun, semasa pulang biasanya responden ini menyediakan wang ataupun hadiah untuk diberikan kepada keluarga rapat di Filipina. Jumlah wang yang biasa dibawa pulang oleh responden digambarkan dalam jadual 6.18.

**Jadual 6.18  
Wang Yang Dibawa Pulang Ke Filipina**

<b>JUMLAH WANG (RM)</b>	<b>BIL.</b>	<b>Peratus (%)</b>
Kurang 500	19	70.4
500 – 1000	4	14.8
1001 - 1500	2	7.4
1501 – 2000	1	3.7
Tidak bawa Wang	2	7.4
<b>JUMLAH</b>	<b>27</b>	<b>100</b>

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun1996.  
 Nota: Jumlah responden 56 orang (keluarga rapat=44 org).  
 Jumlah responden yang pulang seramai 27 orang

Jadual 6.18 menunjukkan paling ramai responden (70.4%) membawa pulang wang kurang dari RM 500 (kurang 5000 pesos). Jumlah wang yang dibawa tidak banyak kerana responden ini berpendapatan rendah. Seramai 6 orang (22.2%) responden pula membawa pulang antara RM 500 hingga RM 1,500. Mereka terpaksa membawa wang yang lebih untuk membantu keluarga yang hidup miskin di kampung. Hanya dua orang responden tidak membawa wang semasa pulang ke Filipina kerana mereka pulang untuk melawat keluarga rapat di sana. Namun mereka ada membawa buah tangan seperti barang-barang makanan ataupun buah-buah dari Sabah.

Sebagai rumusan orang Filipina ini seboleh-bolehnya akan berusaha pulang ke negara asal untuk melawat keluarga rapat yang ditinggalkan. Ini kerana semakin dekat lokasi petempatan mereka di Sabah dengan negara asal semakin kerap dan ramai di kalangan mereka ini pulang ke Filipina. Lagipun jarak yang dekat ini menyebabkan kos tambangnya bertambah murah. Orang Filipina di Kampung Bakau ini tidak terus melupakan negara asal mereka. Walaupun mereka sudah membina keluarga di Sabah, memperolehi keselesaan dan kemewahan hidup berbanding dengan negara asal dan sebahagiannya telah mendapat taraf kerakyatan Sabah, namun mereka masih melawati keluarga rapat di Filipina.

#### **6.4.3 Kiriman Wang**

Salah satu faktor kenapa kerajaan Filipina menggalakkan penghijrahan penduduknya bekerja ke luar negara adalah untuk menggalakkan aliran masuk wang asing seperti yang dijelaskan dalam bab 4. Pemimpin mereka mengharapkan pekerja asing Filipina yang bekerja di seberang laut akan mengirimkan wang kembali ke negara

asal. Mereka diandaikan cuba membantu keluarga rapat yang masih berada di Filipina yang hidup miskin.

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 6.19, kajian ini mendapati sedikit sahaja responden (31.8%) yang mengirim wang kepada keluarga rapat di Filipina. Keadaan ini berbeza dengan pekerja-pekerja Filipina yang bekerja di negara-negara yang lebih jauh seperti Singapura, Amerika Syarikat, Jepun, Hong Kong dan negara-negara Timur Tengah. Pendatang Filipina yang bekerja di negara berkenaan adalah pekerja asing yang berhijrah sementara. Singapura misalnya, mengadakan polisi buruh asing yang tidak membenarkan buruh asing membawa keluarga masuk ke negaranya (Abella, 1994:30). Oleh itu, lebih ramai di kalangan orang Filipina meninggalkan keluarga di sana, maka lebih ramai juga antara mereka yang menghantar wang kepada keluarga mereka di Filipina.

**Jadual 6.19**  
**Kekerapan Responden Mengirim Wang Ke Filipina**

KEKERAPAN MENGIRIM WANG DALAM SETAHUN	BIL	%	TAHUN TERAKHIR HANTAR WANG KIRIMAN KE FILIPINA				
			< 1980	1980- 1985	1986- 1990	1991- 1995	1996
1 KALI	5	38.5	-	-	3	2	-
2 KALI	6	46.2	-	-	2	4	-
3 KALI	1	7.7	-	-	1	-	-
BANYAK KALI (>3)	2	15.4	-	-	-	1	7
<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>	<b>100</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>1</b>

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996

Nota: Jumlah responden 56 orang.

Hasil kajian di Lahad Datu ini hampir sama dengan kajian mengenai pendatang Filipina di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah yang pengkaji usahakan sebelum ini. Di sana hanya 38.3% pendatang Filipina yang dikaji menghantar wang kiriman ke negara asal (Zulkiflie, 1993/94: 111). Penemuan ini berbeza dari penemuan mengenai pendatang asing Indonesia di Semenanjung Malaysia di mana hampir semua (94.3%)

pendatang Indonesia menghantar wang kembali ke negara asal (Junipah Wandi, 1995:174).

Jumlah yang mengirim tidak ramai kerana sedikit sahaja ahli keluarga dekat mereka yang masih berada di Filipina. Kebanyakan ahli keluarga responden telahpun dibawa menetap di Sabah. Ada beberapa sebab lain kenapa pendatang Filipina ini tidak ramai mengirim wang ke negara asal. Pertamanya, disebabkan keluarga rapat di Filipina ini selalu datang menziarahi keluarga responden maka wang yang diperuntukkan untuk kiriman ini diberikan semasa saudara mara ini datang ke Sabah. Menurut responden selalunya dalam masa tiga atau empat bulan, keluarga rapat mereka datang menziarahi responden di Sabah. Semasa mereka pulang, responden biasanya memberi wang antara RM 50 - RM 200 sebagai wang belanja. Kedua, disebabkan ramai responden berkunjung pulang ke Filipina seperti yang dijelaskan dalam bahagian 6.3.2.

Kalau dilihat tahun terakhir mereka mengirim wang ke Filipina, paling ramai responden (8 orang) menghantar wang kiriman dalam tahun 1991 hingga 1996. Kajian ini menunjukkan terdapat seramai enam orang responden yang mengirim wang ke Filipina dalam tahun 1986 dan 1990. Ini membuktikan bahawa jangka masa di antara tahun terakhir responden menghantar wang kiriman hingga tahun 1996 adalah agak panjang iaitu 6 hingga 11 tahun. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa pendatang Filipina ini kurang membuat kiriman wang ke negara asal sementara hanya seorang sahaja daripada responden mengirim wang pada tahun terakhir iaitu pada 1996.

Dari segi jumlah wang kiriman, seramai 6 orang (46.2%) daripada responden mengirim wang lebih dari RM 250 (lihat jadual 6.20). Jumlah ini mencapai antara RM 250 hingga RM 1250. Dari kajian ini, seorang responden menghantar wang kiriman yang

banyak iaitu lebih RM 1200. Ini bertujuan untuk membayar yuran dan perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka yang sedang belajar di sekolah Filipina mana kala seramai lapan orang (61.5%) responden pula menghantar wang kurang dari RM 250. Jumlah wang yang dikirim agak kecil kerana responden berpendapatan rendah. Mereka selalunya menghantar wang kiriman sebagai pemberian wang poket atau tanda ingatan terhadap keluarga rapat di Filipina. Jumlah yang paling sedikit dikirim adalah sebanyak RM 50.

**Jadual 6.20**  
**Jumlah Wang Yang Dikirim Oleh Responden Ke Filipina**

KEKERAPAN MENGIRIM WANG	BIL	%	JUMLAH WANG KIRIMAN KE FILIPINA (RM)					
			< 250	250- 500	501- 750	751- 1000	1001- 1250	> 1250
1 KALI	5	38.5	3	2	-	-	-	-
2 KALI	6	46.2	3	2	-	-	1	-
3 KALI	1	7.7	1	-	-	-	-	-
BANYAK KALI	2	15.4	1	1	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>13</b>		<b>8</b>	<b>5</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>0</b>

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang

Cara responden menghantar wang kiriman ditunjukkan dalam jadual 6.21. Paling ramai iaitu 57.1% responden mengirim wang mereka melalui saudara mara yang kebetulan pulang ke negara Filipina dan selebihnya 42.9% pula melalui kawan-kawan. Tidak ada seorang pun di kalangan pendatang Filipina ini menghantar wang melalui sistem bank atau sistem perkhidmatan pos. Ini disebabkan mereka merasakan lebih mudah menghantar wang melalui saudara mara atau kawan-kawan mereka kerana jika menggunakan perkhidmatan bank atau pos mereka terpaksa pergi ke bandar. Di samping itu, sebahagian daripada responden tidak tahu cara menggunakan perkhidmatan bank dan pos.

**Jadual 6.21**  
**Cara Menghantar Wang Kiriman**

CARA KIRIM	BIL	%
Kawan-Kawan	6	42.9
Saudara Mara	8	57.1
Pos	-	0
Bank	-	0
<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>	<b>100</b>

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang.

Ada juga sebilangan kecil responden (5.4%) yang menerima wang dari keluarga rapat di Filipina (lihat jadual 6.22). Menurut responden, wang yang diterima ini merupakan bayaran semula hutang daripada keluarga rapat yang berada di Filipina atau pinjaman yang diterima oleh responden dari saudara mara di kampung halaman. Responden terpaksa meminjam untuk menampung kesempitan wang yang kadang-kadang di alami akibat perbelanjaan tinggi.

**Jadual 6.22**  
**Kekerapan Dan Jumlah Wang Kiriman Yang Di Terima Responden**

KEKERAPAN MENERIMA DUIT	BIL	%	TAHUN TERAKHIR MENERIMA WANG (RM)					JUMLAH WANG (RM)	
			< 1980	'80-'85	'86-'90	'91-'95	1996	< 250	250-500
1 Kali	2	66.7	-	-	1	1	-	1	1
2 Kali	0	0	-	-	-	-	-	-	1
3 Kali	1	33.3	-	-	-	1	-	-	-
Banyak Kali	0	0	-	-	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>3</b>	<b>100</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>2</b>

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang.

Tahun terakhir responden ini menerima wang kiriman adalah antara tahun 1986 hingga 1995. Walau bagaimanapun, jumlah wang yang diterima ini adalah sedikit antara RM 100 hingga RM 500. Dari kajian ini, seramai dua orang responden menerima wang

kiriman sebanyak sekali dalam masa setahun mana kala seorang lagi sebanyak 3 kali. Kesemua wang kiriman ini diterima melalui saudara mara dan kawan-kawan yang kebetulan pulang ataupun mengunjungi keluarga rapat di Sabah.

Dirumuskan, walaupun selalunya pekerja asing dikatakan merugikan dari segi aliran keluar wang namun kemasukan pendatang asing Filipina di Sabah tidak begitu merugikan. Ini kerana kekerapan ataupun bilangan pendatang Filipina yang mengirim wang keluar ke negara asal adalah kecil. Jumlah wang yang selalu dikirim juga sedikit iaitu sekitar RM 50-250 dalam jangka masa 6 hingga 11 tahun. Lagipun, sebahagian daripada pendatang Filipina di Sabah ada menerima wang kiriman dari keluarga rapat di Filipina. Keadaan ini juga menyebabkan kemasukan wang asing ke Sabah. Keadaan ini menyokong pendapat Rozilawati Shahrudin (1994) bahawa kiriman yang dilakukan oleh buruh asing ini adalah rendah serta tidak boleh menjelaskan aliran wang ke luar negara.

#### **6.4.4 Menerima dan Mengirim Surat**

Surat merupakan alat perhubungan yang menjadi alternatif yang paling mudah dan murah untuk menjalankan perhubungan yang erat di antara responden dengan keluarga rapat di Filipina. Dari jadual 5.23, didapati seramai 25 orang (56.8%) ada mengirim surat dan 14 orang (31.8%) pula menerima surat daripada 44 responden yang mempunyai keluarga rapat di Filipina.

Kiriman surat biasanya bertujuan untuk bertanya khabar tentang kesihatan diri, keadaan kampung halaman, ladang, kebun dan binatang ternakan. Malah ada juga di antara responden berutus surat untuk menceritakan mengenai kehidupan di Sabah, sambil menjelaskan peluang-peluang pekerjaan yang ada di Sabah. Surat ini sedikit sebanyak menjadi sumber maklumat kepada keluarga atau saudara mara di Filipina. Semua

responden yang menerima surat pula menjelaskan bahawa surat yang diterima juga bertujuan untuk bertanya khabar. Namun begitu, kadang kala keluarga atau saudara mara di Filipina ini menghantar surat bertujuan untuk meminta duit kerana kesempitan wang perbelanjaan.

**Jadual 6.23  
Penerimaan Dan Kiriman Surat**

KIRIM SURAT	TAHUN TERAKHIR KIRIM						TAHUN TERAKHIR TERIMA					
	BIL	%	< 86	86-90	91-95	96	BIL	%	< 86	86-90	91-95	96
> 3 X setahun	11	73.3	-	1	5	5	5	35.7	-	-	-	5
2 X setahun	7	28	-	1	3	3	3	21.4	-	1	-	2
1 X setahun	2	8	-	-	1	1	4	28.6	-	1	3	-
1 X 3-5 tahun	5	20	-	1	4	-	2	14.3	-	-	2	-
<b>JUMLAH</b>	<b>25</b>	<b>100</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>13</b>	<b>9</b>	<b>14</b>	<b>100</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>5</b>	<b>7</b>

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang.

Dari segi kekerapan menghantar surat, paling ramai iaitu 11 orang (73.3%) responden yang menghantar surat dalam tempoh lebih tiga kali setahun. Ini merupakan kekerapan yang paling tinggi. Menurut responden, mereka terpaksa lebih kerap mengutus surat kerana jarang pulang ke Filipina. Kekerapan yang paling rendah adalah sekali sahaja dalam tempoh 3 hingga 5 tahun dan bilangan responden yang terlibat seramai 5 orang (20%) sahaja. Responden jarang menulis surat kerana saudara mara atau kawan-kawan responden selalu sahaja pulang ke Filipina. Maka segala khabar berita dari kampung halaman dibawa oleh mereka.

Dari segi penerimaan surat pula, seramai 31.8% responden yang menerima surat dari saudara mara di Filipina. Jumlah ini adalah rendah berbanding dengan 56.8% responden yang mengirim surat ke Filipina. Daripada 14 orang responden, sebanyak 35.7% dari mereka menerima surat sekali setahun dan dua orang (14.3%) 3 kali setahun.

Bagi tahun terakhir mereka mengirim surat, kebanyakan (88%) responden mengirim surat berkenaan dalam tahun 1991 hingga 1996. Begitu juga penerimaan surat, paling ramai (50%) responden ini menerima surat pada tahun yang sama. Seramai 36 orang (80%) responden mengirim surat melalui kawan-kawan yang kebetulan pulang ke kampung halaman mereka dan 20% pula melalui pos. Kebanyakan surat yang diterima pula adalah melalui kawan-kawan (78.6%) dan pos (21.4%).

#### 6.4.5 Menerima dan Mengirim Barang

Selain dari wang dan surat, responden juga mengirim barang-barang kepada keluarga rapat di Filipina. Jadual 6.24 menunjukkan seramai 7 orang (15.9%) dari 44 orang responden yang mempunyai keluarga rapat mengirim barang-barang ke Filipina. Jenis barang yang dikirim adalah seperti beras, milo, mee, pakaian dan lain-lain sebagai tanda mereka masih ingatkan keluarga untuk membantu mereka dan dengan itu mengeratkan lagi silaturahim antara mereka. Kiriman barang ini biasanya melalui kawan-kawan atau saudara mara yang pulang ke Filipina.

**Jadual 6.24**  
**Kiriman Dan Jumlah Harga Barang**

KEKERAPAN KIRIM BARANG	BIL	%	JUMLAH HARGA BARANG (RM)		
			< 250	250-500	> 500
1 X Setahun	2	4.5	2	-	-
2 X Setahun	3	6.8	2	1	-
3 X Setahun	0	0	-	-	-
Banyak Kali	2	4.5	2	-	-
JUMLAH TIDAK MENGIRIM	37	84.1	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>44</b>	<b>100</b>	<b>6</b>	<b>1</b>	<b>-</b>

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun1996.

Nota: Jumlah responden 56 orang. (Responden ada keluarga rapat di Filipina = 44 orang)

Kajian ini mendapati paling ramai (6.8%) responden mengirim barang sebanyak sekali atau dua kali setahun. Kiriman dibuat khasnya pada musim perayaan Hari Raya sahaja. Terdapat juga seramai 4.5% responden mengirim barang ke Filipina lebih dari 3 kali setahun. Mereka lebih kerap mengirim barang kerana membantu ibu bapa yang sudah tua di Filipina. Kiriman barang ini setidak-tidaknya dapat mengurangkan beban mereka kerana ibu bapa itu tidak lagi bekerja. Bagaimanapun barang yang dikirim ini tidaklah begitu banyak, harganya antara RM 50 hingga RM 500 sahaja.

Di samping mengirim barang, ada pula responden (15.9%) yang menerima kiriman barang daripada keluarga di Filipina seperti yang ditunjukkan dalam jadual 6.25. Tujuan kiriman ini juga sama iaitu sebagai tanda mereka masih ingatkan keluarga untuk membantu mereka dan mengeratkan lagi silaturahim antara mereka. Jenis barang-barang yang selalunya diterima adalah seperti rokok, buah-buahan, ikan masin, sotong kering dan kuih muih. Pengiriman pula dibuat melalui saudara mara yang datang dari Filipina ke Sabah.

**Jadual 6.25  
Penerimaan Dan Jumlah Harga Barang**

KEKERAPAN TERIMA BARANG	BIL	% %	JUMLAH HARGA BARANG (RM)		
			< 250	250-500	Tiada Kos
1 X Setahun	1	2.27	-	-	1
2 X Setahun	1	2.27	-	-	1
3 X Setahun	0	0	-	-	0
Banyak Kali	5	11.4	3	-	2
Jumlah Tidak Menerima	37	84.1			
<b>JUMLAH</b>	<b>44</b>	<b>100</b>	<b>3</b>	<b>-</b>	<b>4</b>

Sumber : Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun1996.

Nota; Jumlah responden 56 orang. (Responden ada keluarga rapat di Filipina = 44 orang)

Seramai 11.4% responden menerima kiriman dari Filipina lebih dari 3 kali setahun. Mereka lebih banyak menerima kiriman barang dari Filipina kerana keluarga rapat yang berada di Filipina selalu sahaja mengirim hasil buah-buahan dari ladang atau kebun yang di tinggalkan oleh responden di negara asal. Namun begitu, jumlah harga barang yang diterima ini adalah kurang dari RM 250.

Secara keseluruhan, boleh dirumuskan hubungan tali persaudaraan yang rapat yang masih wujud antara penduduk Filipina di Sabah dan penduduk Filipina memberikan situasi yang menyenangkan kepada orang Filipina untuk beradaptasi seterusnya berasimilasi dengan keadaan tempatan di Sabah. Hubungan ini memperlihatkan wujudnya persamaan etnik, bahasa, agama dan budaya yang sedia ada kerana sebahagian pendatang Filipina di Sabah telahpun diterima menjadi warga negara Sabah. Oleh itu setiap orang Filipina kurang menghadapi masalah apabila berada di Sabah. Mereka boleh menyesuaikan diri dengan mudah di Sabah.